

KENYATAAN MEDIA

24 DISEMBER 2022

**Suruhanjaya Tenaga**  
(Energy Commission)  
No. 12, Jalan Tun Hussein,  
Precinct 2,  
62100 Putrajaya,  
Malaysia.  
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637  
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

## **Pelarasan Tarif Asas Kemudahan Gas untuk Tempoh Kawal Selia Kedua (RP2: 2023 – 2025) dan Pelarasan Pendapatan Serta Purata Tarif bagi Tahun 2023**

PUTRAJAYA, 24 Disember – Kerajaan pada 21 Disember 2022 telah bersetuju supaya semakan semula purata tarif asas kemudahan (infrastruktur) gas di bawah mekanisme *Incentive-Based Regulation* (IBR) bagi tempoh kawal selia kedua (RP2) adalah bermula pada 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2025 dan pelarasan pendapatan serta purata tarif yang dibenarkan adalah untuk tempoh 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2023.

Ini melibatkan empat (4) kemudahan gas iaitu terminal penggasan semula milik Regas Terminal (Sg. Udang) Sdn. Bhd. (RGTSU), terminal penggasan semula milik Pengerang LNG (Two) Sdn. Bhd. (RGTP), talian paip penghantaran milik PETRONAS Gas Bhd. (PGB) dan talian paip pengagihan milik Gas Malaysia Distribution Sdn. Bhd. (GMD) yang ditetapkan, seperti berikut:

- (i) Purata tarif asas (RP2) bagi RGTSU kekal pada kadar RM3.455/gigajoule(GJ)/hari, iaitu sepertimana dalam tempoh RP1. Tiada pelarasan pendapatan bagi tempoh 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2023;
- (ii) Purata tarif asas (RP2) bagi RGTP diturunkan kepada RM3.165/GJ/hari, iaitu penurunan sebanyak 9.2% berbanding RM3.485/GJ/hari dalam tempoh RP1. Tiada pelarasan pendapatan bagi tempoh 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2023;
- (iii) Purata tarif asas (RP2) bagi PGB diturunkan kepada RM1.063/GJ/hari, iaitu penurunan sebanyak 5.8% berbanding RM1.129/GJ/hari dalam tempoh RP1. Dalam tahun 2022, terdapat pelarasan semula lebih pendapatan sebanyak -RM0.002/GJ/hari yang akan

---

### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

dilepaskan kepada pengguna sebagai rebat. Oleh itu, kadar tarif bagi tempoh 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2023 ditetapkan pada RM1.061/GJ/hari; dan

- (iv) Purata tarif asas (RP2) bagi GMD kekal pada kadar RM1.573/GJ/hari, iaitu sepertimana dalam tempoh RP1. Dalam tahun 2022, terdapat pelarasan semula lebih pendapatan sebanyak -RM0.038/GJ/hari yang akan dilepaskan kepada pengguna sebagai rebat. Oleh itu, kadar tarif bagi tempoh 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2023 ditetapkan pada RM1.535/GJ/hari.

Selain itu, Kerajaan juga telah bersetuju supaya purata tarif asas (RP2) bagi talian paip penghantaran milik PGB untuk pelaksanaan projek *Peninsular Gas Utilisation (PGU) II Sector 3 Compressor Relocation (SCORE)*, yang bertujuan untuk membekalkan gas ke Singapura, ditetapkan pada kadar RM1.614/GJ/hari.

Penetapan purata tarif kemudahan gas ini telah mengambil kira keperluan hasil yang diperlukan termasuklah perbelanjaan pelaburan yang cekap bagi memastikan kelangsungan bekalan gas, kemampanan perniagaan pemegang lesen kemudahan gas serta kedudukan semasa industri pasaran gas negara.

Penurunan ini tidak melibatkan harga molekul gas yang merupakan komponen terbesar dalam penetapan harga gas. Secara puratanya, pecahan peratusan tarif kemudahan gas adalah di antara 2.2% hingga 12.8% daripada jumlah harga jualan gas, bergantung kepada kemudahan gas yang digunakan sama ada daripada sumber domestik atau gas asli cecair (LNG).

**\*\*\*Tamat\*\*\***

*Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:*

*Azlina Mohammad Jais/Hazwani Ghazali/Muhammad Harith Safruddin*

*Unit Promosi dan Hubungan Luar*

*Tel: 03-8870 8753/019-3589255 (Azlina)/011 28866271 (Hazwani)/018 3822545 (Harith)*

*Emel: azlinamj@st.gov.my/noorhazwani@st.gov.my/harith@st.gov.my*

---

#### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.